

15/09/1998

Singapura usah bangkit perkara lama: PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membidas Singapura kerana mengganggu Malaysia `membuli dan mengugut' republik itu, sedangkan hakikatnya selama ini negara itu membangun dengan menggunakan apa juga kelemahan jiran.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia sebenarnya tidak ingin memanjangkan `ketegangan' antara kedua-dua negara, tetapi jika didesak ia akan menyenaraikan semua keburukan yang dilakukan Singapura ke atas negara ini.

Beliau berkata, ada pemimpin Singapura yang masih diulit sejarah silam dan melarang rakyatnya berbaik-baik dengan Malaysia, sedangkan ramai yang ingin mempunyai hubungan lebih baik.

"Nampaknya Singapura tidak sensitif, saya berpendapat kalau Singapura ingin berbaik-baik tak usahlah bangkit perkara lama... tak ada guna.

"Jika dia tetap terus menerus membangkitkan perkara seperti ini, ia tidak akan menyelesaikan sebarang masalah.

"Sekarang jika saya memberitahu rakyat Malaysia, kita berbaik semula dengan Singapura... walaupun saya hendak, tetapi rakyat Malaysia sudah pasti tidak mahu," katanya selepas melawat Stadium Hoki Jalan Pantai dalam siri lawatannya meninjau perkembangan Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL'98) yang sedang berlangsung.

Perdana Menteri berkata demikian mengulas kenyataan pemimpin Singapura, Lee Kuan Yew yang menuduh Malaysia membuli dan mengugut republik itu sejak dulu hingga sekarang.

Semalam, akhbar Sunday Times Singapura menyiarkan petikan buku The Singapore Story: Memoirs Of Lee Kuan Yew yang ditulis tokoh veteran itu mengenai hubungan kedua-dua negara sebelum dan selepas Singapura keluar dari Malaysia.

Dalam buku itu, Lee turut mendakwa Malaysia akan terus menggunakan isu bekalan air untuk menakutkan negara jiran yang terletak di selatan itu.

Bekas Perdana Menteri yang kini Menteri Kanan republik itu turut mendakwa Umno menjadi dalang di sebalik rusuhan kaum yang berlaku di pulau berkenaan pada 1964.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak akan mengambil sebarang tindak balas ke atas kenyataan Lee, tetapi jika didesak beliau akan menyenaraikan semua keburukan yang dilakukan Singapura termasuk usaha melemahkan ekonomi dan polisi negara ini.

"Umpamanya Singapura sengaja mengejutkan ringgit kita supaya ia lari keluar dari negara ini dengan menaikkan faedah, ia juga berhajat untuk menubuh Simex (Singapore Monetary Exchange's) yang menjual saham kita yang mana ini akan mempunyai kesan buruk kepada kita.

"Singapura sebenarnya dapat dibangunkan dengan menggunakan apa juga kelemahan jiran.

"Tidak ada langsung usaha untuk membantu jiran, sebaliknya semua perniagaan Singapura berasas kepada kelemahan juga dan digunakan untuk kepentingannya," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, Malaysia mempunyai hak untuk membangunkan negara ini dengan sendiri dan tidak berhutang dengan sesiapa, terutama Singapura dalam usaha membangunkan negara ini.

Perdana Menteri berkata, sejarah membuktikan ketiadaan Singapura dalam Malaysia lebih memudahkan kerajaan negara ini menyelesaikan semua masalah perkauman, terutama selepas peristiwa rusuhan kaum 1969.

Menurutnya, tidak perlu bagi Umno menghantar bantahan kepada Lee kerana

menuduh parti itu menyebabkan rusuhan kaum pada 1964.

"Saya fikir tak perlu kita hantar bantahan pada pihak yang langsung tak punya perasaan muhibbah dengan kita," katanya.

Mengenai isu Perjanjian Bekalan Air dengan republik itu, Dr Mahathir berkata, ia perlu dikaji dari semasa ke semasa kerana tidak berasas jika kadar tiga sen bagi setiap 1,000 gelen air mentah seperti pada 1926, dikekalkan hingga tahun 2500.

"Mereka (Singapura) mendesak kita membuat perjanjian baru sekarang, tetapi dari segi keselamatan kita tidak berbuat demikian.

"Kita akan terus membekalkan mereka air, tetapi perjanjian mesti berasaskan dari masa ke semasa... tiga sen pada 1926 adalah jumlah yang banyak, tetapi tiga sen bagi 1,000 gelen air mentah pada 2500 ia seperti memberi mereka percuma," katanya.

Beliau berkata, Singapura sekarang membuat keuntungan berlipat kali ganda daripada bekalan air yang dihantar ke republik itu.

Ketika ini Malaysia membekalkan 80 gelen (360 liter) sehari kepada setiap seorang rakyat republik itu.

"Mereka membeli pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen dan menjual semula kepada rakyatnya pada kadar S\$7 hingga S\$20 bagi setiap 1,000 gelen air.

"Walaupun begitu, saya sudah memberi jaminan kepada mereka bahawa Malaysia akan terus membekalkan air yang diperlukan oleh republik itu," katanya.

Ditanya mengenai status hubungan Malaysia-Singapura sekarang, Dr Mahathir berkata hubungan kedua-dua negara memang tidak begitu baik sejak berlaku perpisahan pada 1965.

"Saya tidak tahu sama kejadian terbaru ini menjadikan hubungan kedua-dua negara di tahap terendah, kerana ia memang tidak begitu baik sebaik sahaja perpisahan berlaku.

"Tetapi, kita sedaya upaya untuk menimbulkan isu-isu yang sukar, tetapi mereka sebaliknya," katanya.

(END)